

Siti Hasmah sampai ucaptama

Dialog Wanita 17 Oktober

UM 11/10/03

PUTRAJAYA 10 Okt. — Isteri Perdana Menteri, Datin Seri Dr. Siti Hasmah Mohd. Ali akan menyampaikan ucaptama bertajuk 'Wanita, Keamanan dan Pembangunan' pada Dialog Wanita Pertama pada 17 Oktober ini, sempena Sidang Kemuncak Pertubuhan Persidangan Islam (OIC).

Ucuptama tersebut akan menyentuh isu-isu berkaitan wanita termasuk kesihatan wanita dan kanak-kanak, pendidikan dan HIV/AIDS.

Bercakap pada sidang akhbar di Seri Perdana di sini hari ini, Dr. Siti Hasmah yang akan mempengekusikan dialog berkenaan berkata, Dialog Wanita Pertama itu juga akan membentuk kumpulan-kumpulan kecil yang akan mengadakan perbincangan meja bulat.

"Antara topik-topik yang akan dibincangkan oleh kumpulan-kumpulan berkenaan ialah dasar awam dan institusi sokongan untuk wanita, menghapuskan kemiskinan dan pembang-

unan sains dan teknologi," jelasnya.

Wanita-wanita pertama yang mengesahkan kehadiran mereka setakat ini ialah isteri Presiden Gabon, Edith Lucie Bongo; isteri Presiden Gambia, Zineb Yahya Jammeh; isteri Presiden Sudan, Widad Babikir Omer; isteri Presiden Turki, Semra Sezer dan isteri Presiden Pakistan, Sehba Musharraf.

Isteri Setiausaha Agung Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB), Nane Annan akan menyertai dialog berkenaan sebagai pemerhati manakala suami Presiden Indonesia, Taufik Kiemas disenaraikan sebagai peserta lelaki tunggal.

Tambah Dr. Siti Hasmah, dialog tersebut juga akan melibatkan beberapa pemimpin perkumpulan wanita tempatan yang akan memainkan peranan sebagai pemudahcara.

Antaranya Datuk Dr. Sharifah Hapsah Syed Shahabudin, Datin Paduka Marina Mahathir, dan Datuk Prof. Nik Safiah Karim.

Menurut Dr. Siti Has-

mah, dialog berkenaan bertujuan membuka ruang bagi wanita-wanita pertama dari negara-negara Islam berkongsi pengalaman dan pandangan dalam usaha memupuk, mengekal dan meneruskan keamanan bagi pembangunan umum.

Ia juga memberi peluang kepada wanita dari pelbagai negara Islam untuk mengetahui mengenai cabaran yang dihadapi oleh wanita-wanita Islam di negara-negara anggota OIC, katanya lagi.

"Selama ini kita hanya mengetahui mengenai pengalaman wanita-wanita yang hidup di negara-negara Islam melalui buku-buku sahaja yang sesetengahnya ditulis oleh penulis Barat."

"Melalui dialog ini kita akan mendapat maklumat yang lebih jelas mengenai isu yang dihadapi oleh golongan wanita di negara-negara tertentu," kata Dr. Siti Hasmah lagi.

Tambahnya, dialog berkenaan akan menggariskan satu cadangan atau

resolusi yang akan diajukan kepada pengerusi sidang kemuncak OIC.

Resolusi dialog ini diharapkan dapat diambil kira di dalam menggariskan resolusi sidang kemuncak OIC kali ini demi kepentingan golongan wanita di semua negara Islam, ujarnya.

Dialog berkenaan dijadikan acara sampingan Sidang Kemuncak OIC kali ini setelah isu mengenai dibangkitkan pada Sidang Kemuncak OIC yang lalu di Doha, Qatar.

Dr. Siti Hasmah berkata, cadangan itu dibangkitkan oleh anak perempuan presiden Iran pada masa itu, Ali Akhbar Hashemi Rafsanjani.

Beliau yakin perbincangan di antara wanita-wanita dari negara anggota OIC dapat membantu organisasi tersebut dalam merangka resolusi yang mengambil kira kepentingan dan hak wanita di dalam negara Islam.